

**25 Juta Pelancong Lawat Malaysia Tahun Lepas - Ng Yen Yen  
Bernama  
3 Februari, 2013**

GEORGE TOWN, 3 Feb (Bernama) -- Malaysia merekodkan ketibaan 25,032,708 pelancong asing sepanjang tahun lepas berbanding 24,714,324 pada 2011, kata Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen.

Katanya sektor pelancongan negara menjana perolehan RM60.6 bilion tahun lepas berbanding RM58.3 bilion pada tahun sebelumnya.

Beliau berkata negara juga mencatat pertumbuhan dua angka dalam ketibaan pelancong dari negara serantau, jarak sederhana dan jarak jauh seperti Iraq, Nepal, Filipina, China, Japan, Vietnam, Arab Saudi serta Kazakhstan.

"Pasaran Asean menyumbang ketibaan pelancong terbesar iaitu 75.1 peratus dirangsang dengan pelbagai tawaran kompetitif syarikat penerbangan tambang murah seperti AirAsia, Mandala Airlines, SEAir dan Tiger Airways selain kewujudan produk pelancongan baru seperti Johor Premium Outlet dan Taman Tema Legoland," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri program 'My Beautiful Malaysia', di Taman Negara Teluk Bahang di sini hari ini.

Katanya pertumbuhan itu sejajar dengan sasaran Pelan Pelancongan Malaysia 2020 untuk mencapai 36 juta kunjungan pelancong dengan perolehan RM168 bilion menjelang 2020.

Ng berkata tahun ini Malaysia menyasarkan 26 juta ketibaan dan kementeriannya akan melaksanakan strategi bagi memikat pelawat asing tinggal lebih lama di negara ini.

"Kementerian juga akan adakan program kesukarelawan pelancongan dan kita akan jemput belia tempatan menyertai pasukan kita mempromosi keindahan negara kita dan ia perlu sokongan semua orang," katanya.

Kira-kira 10,000 orang menjayakan program sukarelawan itu yang dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Lebih 90 agensi kerajaan selain belia dan penduduk setempat menyertai aktiviti gotong-royong yang bermula seawal pukul 7 pagi itu.

Turut diadakan acara menanam 2,000 batang pokok di sepanjang pantai dan laluan awam sekitar Teluk Bahang

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=925743>